

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

KAJISELIDIK MENGENAI PANDANGAN DAN PENERIMAAN
MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP PASAR BESAR
DI TAMAN TUN DR ISMAIL

Disediakan oleh

ARIFFIN. YAHYA	83632190
LOKMAN DAUD	83619566
MOHAMAD SUHAIMI SHARIF	83998411
MOHD ANSHUN ALI	83637887
NORHASNI BT HASHIM	83647481
SYED HASSAN SYED ABD KADIR	83673561

Sebagai sebahagian dari keperluan untuk mendapatkan
Diploma Pengajian Perniagaan

Mei 1987

KANDUNGAN

MUKASURAT

Prakata	(ii)
Penghargaan	(iii) - (iv)
Senarai Jadual	(v) - (vi)
Senarai Carta	(vi) - (vii)

BAB 1

1.0 Pengenalan	1 - 3
1.1 Operasi dan Pengurusan Pasar Besar	4 - 13
1.2 Penyata Masalah	13 - 14
1.3 Objektif Kajiselidik	14 - 15
1.4 Hipotesis	15
1.5 Skop Kajiselidik	15
1.6 Pembatasan	16
1.7 Andaian	17

BAB 2

2.0 Ulasan Dari Bahan Penerbitan	
2.1 Ciri-ciri Dalam Pembinaan Pasar	18 - 20
2.2 Peranan Pasar Terhadap Masyarakat	21
2.3 Laporan Prestasi Pasar Besar Cheras	22
2.4 Keterangan Penggunaan Istilah	23 - 24

BAB 3

3.0 Kaedah Penyelidikan (Methodology)	
3.1 Data Utama	25
3.2 Data Sekunder	26
3.3 Kaedah Persampelan	27 - 29
3.4 Kawasan Persampelan	29 - 30
3.5 Ujian Perintis	30 - 32

PRAKATA

Kajiselidik dianggap berfaedah sebagai alat untuk membantu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) di dalam membuat penilaian sama ada Pasar Besar yang di bina di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, mendapat sambutan yang menggalakkan atau kurang mendapat sambutan dari para pengunjung.

Oleh itu kajiselidik ini telah dibentuk secara khusus bagi memperoleh maklumat-maklumat yang berguna mengenai pandangan pengguna ke atas perkhidmatan Pasar Besar di Taman Tun Dr Ismail serta kriteria-kriteria utama yang boleh mendorong para pembeli atau pengguna berkunjung ke pasar ini.

Dari maklumat-maklumat yang diperolehi diharapkan ianya dapat digunakan dan dijadikan sebagai panduan kepada pihak Dewan Bandaraya dan UDA untuk merancang strategi-strategi baru dalam usaha menggalakkan para pengguna berkunjung ke Pasar Besar.

Akhir sekali, kajiselidik ini juga diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan dan mempunyai kaitan terhadap kajiselidik-kajiselidik lain yang akan mereka lakukan.

PENGHARGAAN

Kajiselidik mengenai "Pandangan dan Penerimaan Masyarakat Setempat Terhadap Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur" telah disediakan oleh satu kumpulan pelajar yang telah ditugaskan bagi membuat Penyelidikan Perniagaan di mana hasil usaha ini telah mendapat kerjasama dari pihak Perbadanan Pembangunan Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Zainon Ahmad, Pegawai Perhubungan Awam, Perbadanan Pembangunan Bandar, Puan Fauziah Montel, Ketua Perpustakaan, Perbadanan Pembangunan Bandar, Encik Rosli Rabaie, Penolong Pengarah, Yunit Penyelarasan dan Pembangunan, Dewan Bandaraya, Encik Nor Azmi, Penolong Pengarah, Yunit Penjaja-Penjaja, Dewan Bandaraya dan Encik Terrence Chua, Pengurus, Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail, kerana kerjasama mereka dan sudi ditemubual untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting untuk kajiselidik ini.

Ucapan terima kasih juga kepada penduduk-penduduk di Taman Tun Dr Ismail kerana sudi meluangkan masa mereka untuk menjawab soalan-soalan di dalam borang kajiselidik. Kerjasama dan sumbangan mereka adalah sangat dihargai.

1. PENGENALAN

KONSEP PASAR MODEN

Idea konsep "pasar moden" telah diilhamkan oleh Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, hasil dari kunjungan beliau ke Jepun, Korea dan Australia pada tahun 1982.¹

Pasar-pasar moden ini didirikan bertujuan untuk menempatkan peniaga-peniaga di Pasar Besar Kuala Lumpur (Central Market), di mana tapak Central Market pada mulanya dicadangkan untuk projek hotel mewah dan kompleks membeli-belah. Oleh kerana sebab-sebab kewangan, pihak Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) telah menyewakannya kepada Harta Bumi, sebuah syarikat swasta, dan menjadikannya sebuah pusat kebudayaan yang dipanggil Pasar Seni.

Hasil dari penyelidikan yang dibuat oleh UDA di Jepun dan Filipina tentang operasi pasar, beberapa kawasan telah dikenalpasti untuk pembinaan pasar moden ini. Di antara tempat-tempat tersebut, Taman Tun Dr Ismail, Bangsar, Gombak, Tayton View Cheras, Kepong Baru, Kampong Pandan/Taman Maluri dan Bandar Tun Razak, 3 kawasan telah terpilih untuk membina pasar moden ini iaitu di Gombak, Taman Tun Dr Ismail dan Cheras.²

¹ Temubual dengan Encik Rosli Rabaie, Penolong Pengarah, Unit Penyelarasan dan Pembangunan, UDA, pada 16hb April 1987.

² Ibid